

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN  
SEMPENA PERTANDINGAN 'BATTLE OF THE BAND' DI KOLEJ  
KEDIAMAN KUKUM, KUALA PERLIS PADA 9 JANUARI 2005**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN  
SALAM SEJAHTERA.

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN  
REKTOR KUKUM,

PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA KUKUM,

YANG BERUSAHA, ENCIK ABDUL JALIL BIN RAMLI, PENGETUA KOLEJ-  
KOLEJ KEDIAMAN KUKUM,

YANG BERUSAHA SAUDARI NOR FARAH LISA BTE MOHAMMED NASIR,  
YANG DIPERTUA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) KUKUM,

YANG BERUSAHA SAUDARA MOHD FAIZAL, PENGARAH PROGRAM  
'BATTLE OF THE BAND',

AHLI-AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 'BATTLE OF THE BAND',  
MAHASISWA DAN MAHASISWI KUKUM SEKALIAN.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANU WA TAALA KERANA  
DENGAN LIMPAH KURNIA, REZEKI SERTA BERKAT KASIH DAN SAYANG-  
NYA MENGIZINKAN KITA, HAMBANYA SEMUA UNTUK BERKUMPUL PADA

MALAM YANG PENUH BERMAKNA INI UNTUK MENYAKSIKAN PERTANDINGAN 'BATTLE OF THE BAND' YANG MEMBABITKAN PELAJAR-PELAJAR KUKUM SENDIRI.

SESUNGGUHNYA INISIATIF SERTA USAHA KREATIF YANG TELAH DIRANCANG DAN DIJAYAKAN SENDIRI OLEH MAHASISWA-MAHASISWI KUKUM INI AMAT TERPUJI KERANA IA JELAS MENUNJUKKAN WARGA PELAJAR KUKUM SENTIASA BERKETRAMPILAN BUKAN SAHAJA DI DALAM BIDANG AKADEMIK TETAPI DI DALAM BIDANG YANG PELBAGAI SEPERTI MUZIK DAN SENI.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

PERTAMA, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK PENGANJUR KERANA TELAH SUDI MENJEMPUT SAYA DAN SETERUSNYA MERASMIKAN PERTANDINGAN INI. SYABAS DAN TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA SELURUH WARGA KOLEJ KEDIAMAN TUN HUSSEIN ONN DAN MAHASISWA DAN MAHASISWI YANG TELAH TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN PROGRAM INI.

SESUNGGUHNYA PROGRAM INI DIADAKAN BAGI TUJUAN UNTUK MENCUNGKIL BAKAT-BAKAT BARU DI KALANGAN PARA MAHASISWA DAN MAHASISWI KUKUM DI DALAM BIDANG NYANYIAN DAN KECEKAPAN

MEREKA BERMAIN ALAT MUZIK. SAYA PERCAYA PERTANDINGAN INI MAMPU MENONJOLKAN KETERAMPILAN DIRI PELAJAR DALAM USAHA MENJANA WARGA PELAJAR KUKUM YANG BERANI MEMPERKENALKAN IDENTITI DIRI SEJAJAR DENGAN PENGENALAN MATAPELAJARAN EMT122 IAITU KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN IT.

PROGRAM INI JUGA SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT MERAPATKAN LAGI UKHUWAH DAN PERHUBUNGAN DI KALANGAN WARGA PELAJAR YANG TERDIRI DARI PELBAGAI KAUM, LATAR BELAKANG DAN BUDAYA YANG BERBEZA.

KESEMPATAN MELANJUTKAN PELAJARAN DI UNIVERSITI INI HARUS DIRAIH OLEH SETIAP WARGA PELAJAR UNTUK SALING BERINTERAKSI, DAN KENAL-MENGENAL ANTARA SATU SAMA LAIN. PERHUBUNGAN YANG MESRA INI SUDAH PASTI AKAN MEWUJUDKAN SATU SUASANA PEMBELAJARAN YANG HARMONIS DI KALANGAN WARGANYA YANG MENJADI TONGGAK DAN ELEMEN KEKUATAN SESEBUAH UNIVERSITI.

ADALAH DIHARAPKAN BUDAYA MESRA SEBEGINI AKAN TERUS DIPUPUK BUKAN SAHAJA SEMASA ANDA SEMUA BERADA DI UNIVERSITI INI TETAPI SEHINGGA TAMAT PENGAJIAN DAN MEMASUKI DUNIA PEKERJAAN KELAK IAITU BERGERAK AKTIF DI DALAM ALUMNI KUKUM YANG AKAN DITUBUHKAN KELAK.

SAYA AMAT BERHARAP SETIAP MAHASISWA DAN MAHASISWI KUKUM MEMPUNYAI RASA JATIDIRI DAN IKATAN PERSAUDARAAN YANG KUAT DI ANTARA SATU SAMA LAIN. BIARPUN KUKUM MASIH BARU DITUBUHKAN DAN BELUM ADA GRADUAN YANG DIHASILKAN LAGI, NAMUN IA TIDAK HARUS DIJADIKAN SEBAGAI PENGHALANG BAGI KITA SEMUA UNTUK MERASA RENDAH DIRI DAN MEMBIARKAN MANA-MANA PIHAK MEMPERLEKEH-LEKEH KETERAMPILAN KITA SEMUA.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

PERTANDINGAN INI JUGA SECARA TIDAK LANGSUNG MEMBERI PENDEDAHAN KEPADA MAHASISWA-MAHASISWI SEMUA TENTANG PROSES-PROSES PENGANJURAN SESEBUAH MAJLIS. JIKA TIDAK DIDEDAHKAN KEPADA ACARA-ACARA BEGINI, SAYA PERCAYA ANDA SEMUA PASTI AKAN MENGALAMI PELBAGAI MASALAH DALAM MENGANJURKAN APA JUA AKTIVITI DI PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI KELAK. ANGGAP LAH AKTIVITI SEBEGINI SEBAGAI MEDAN LATIHAN DALAM USAHA ANDA SEMUA UNTUK BELAJAR MENGURUSKAN SESUATU MAJLIS.

BERGELAR MAHASISWA ATAU MAHASISWI YANG BERJAYA BUKAN TERGANTUNG KEPADA KEJAYAAN DI DALAM BIDANG AKADEMIK

SEMATA-MATA. UNTUK BERGELAR MAHASISWA DAN MAHASISWI YANG BERJAYA DAN BERKETERAMPILAN, ANDA SEMUA HARUS BERANI MENCUBA DAN MENGUASAI KEMAHIRAN YANG PELBAGAI TERUTAMANYA DI DALAM AKTIVITI YANG MEMERLUKAN ANDA BERURUSAN DENGAN ORANG RAMAI DARI PELBAGAI PERINGKAT, JABATAN MAHUPUN JAWATAN.

KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI DAN MENGURUSKAN SESUATU MAJLIS TIDAK DIANUGERAHKAN OLEH TUHAN KEPADA HAMBA-HAMBANYA TANPA PERLU BERUSAHA, BERTANYA DAN SETERUSNYA BERLATIH. SEPERTI MANA KATA BIJAK PANDAI DI DALAM BAHASA INGGERIS, 'PRACTISE MAKE PERFECT' DAN SEBEGITU LAH JUGA PERUMPAMAANNYA KEPADA ANDA SEMUA.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN PADA MALAM INI, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK URUSETIA DAN AHLI JAWATANKUASA 'BATTLE OF THE BANDS' KERANA TELAH BERTUNGKUS-LUMUS MEMASTIKAN KELANCARAN PROGRAM KITA PADA MALAM INI.

SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN SELAMAT BERTANDING KEPADA PARA PESERTA YANG MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM PERTANDINGAN INI. KALAH ATAU MENANG ADALAH ADAT PERTANDINGAN. SECARA IKHLAS

INGIN SAYA KATAKAN ANDA SEMUA ADALAH PEMENANG DI HATI SAYA  
KERANA PENYERTAAN ANDA DI DALAM PERTANDINGAN INI SUDAH  
CUKUP BERMAKNA KERANA IA MEMBUKTIKAN ANDA PUNYA  
KEYAKINAN UNTUK MENONJOLKAN DIRI DI KHALAYAK RAMAI.

DENGAN UCAPAN BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM, SAYA DENGAN INI  
MERASMIKAN PERTANDINGAN 'BATTLE OF THE BAND' PERINGKAT  
KUKUM. SAYA SUDAH DENGAN WABBILLAH TAUFIK WALHIDAYAH  
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.